

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN SEMASA
MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA PERSATUAN PELAJAR MALAYSIA DI
MEDAN DAN WAKIL KELAB UMNO CAWANGAN MEDAN DI HOTEL
GARUDA PLAZA, MEDAN INDONESIA PADA 25 NOVEMBER 2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA DRS. ABD HAKIM SIREGAR, PEMBANTU REKTOR 3,
UNIVERSITAS ISLAM SUMATERA UTARA

YANG BERBAHAGIA IR. HAJI IKBAL NASUTION, DEKAN FAKULTAS TEKNIK,
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA

YANG BERBAHAGIA IR. M.UDIN, PEMBANTU DEKAN 1 FAKULTAS TEKNIK,
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA

YANG BERBAHAGIA IR. ABD. ITANG NASUTION, PEMBANTU DEKAN 3,
FAKULTAS TEKNIK UNIVERSITAS SUMATERA UTARA

YANG BERBAHAGIA IR. M. NAWAWIY LOEBIS, DEKAN FAKULTAS TEKNIK,
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. SUMADIO

YANG DIHORMATI SAUDARA MOHD FAUZI, WAKIL PRESIDEN KELAB
UMNO MALAYSIA CAWANGAN MEDAN, INDONESIA

YANG DIHORMATI SAUDARA FIRDAUS AHMAD, PRESIDEN PERSATUAN
PELAJAR MALAYSIA

WAKIL-WAKIL MEDIA INDONESIA

WARGA KERJA KUKUM

MAHASISWA DAN MAHASISWI SEKALIAN

SAYA INGIN MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBBHANAWA TAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN NYA MELANGSUNGKAN KUNJUNGAN KAMI SEMUA DARI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DALAM RANGKA PROGRAM JELAJAH ILMU KE MEDAN, SUMATERA UTARA, INDONESIAINI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM JELAJAH ILMU KUKUM DAN SETERUSNYA MENERIMA KEHADIRAN KAMI SEMUA DI NEGARA YANG PUNYA RAS DAN BUDAYA YANG HAMPIR SERUMPUN INI.

UNTUK PENGETAHUAN HADIRIN YANG DIHORMATI SEMUA, MERENUNG SEJENAK TENTANG KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM), IA DITUBUHKAN SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE 17 SETELAH DILULUSKAN OLEH KABINET PADA 25 JULAI 2001. PENUBUHAN KUKUM BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI DAN MENYOKONG PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA, SELAIN MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIS. PEMBELAJARAN DILAKSANAKAN

SECARA ‘HANDS ON’ IAITU BERASASKAN 60% PENGAJARAN DALAM BENTUK PRAKTIKAL DAN 40% DALAM BENTUK PENGAJARAN TEORI.

AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM, PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN STAF BERMULA SELEPAS PERLANTIKAN REKTOR DAN TIMBALAN REKTOR PADA 16 FEBRUARI 2002. PADA 2 MEI 2002 KUKUM MULA BEROPERASI DI KAMPUS SEMENTARA DI KUBANG GAJAH, ARAU DAN TELAH MENERIMA PELAJAR SULUNG BAGI SESI AKADEMIK 2002/2003 SERAMAI 116 ORANG PADA 20 JUN 2002. SEHINGGA KINI KUKUM MEMPUNYAI BILANGAN PELAJAR SERAMAI 1321 ORANG.

MEMANDANGKAN KAMPUS TETAP KUKUM DI PAUH YANG SELUAS 1050 EKAR DAN DI SUNGAI CHUCHUH SELUAS 300 EKAR MASIH DI PERINGKAT PEMBANGUNAN, KUKUM BUAT MASA INI TERPAKSA MENYEWA BEBERAPA BUAH BANGUNAN UNTUK DIJADIKAN PUSAT PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN. DEK KERANA ITU LAH KUKUM DIKENALI SEBAGAI ‘DISTRIBUTED CAMPUS’ ATAU KAMPUS TERAGIH.

PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK YANG KUKUM TAWARKAN MENJURUS KEPADA IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN. PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT IALAH:

1. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KOMPUTER
2. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PERHUBUNGAN
3. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MIKROELEKTRONIK
4. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
5. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN BAHAN
6. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN METALURGI
7. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN SISTEM ELEKTRIK
8. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK INDUSTRI
9. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKATRONIK

10. SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PEMBUATAN

PROGRAM-PROGRAM INI DITAWARKAN MELALUI ENAM BUAH PUSAT PENGAJIAN IAITU:

1. PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KOMPUTER DAN PERHUBUNGAN
2. PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MIKROELEKTRONIK
3. PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN
4. PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM ELEKTRIK
5. PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKATRONIK
6. PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM PEMBUATAN.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN SEKALI LAGI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA WAKIL UNIVERSITAS SUMATERA UTARA DAN UNIVERSITAS ISLAM SUMATERA UTARA KERANA TELAH SUDI HADIR DI MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA WARGA KUKUM DAN SUDI MENERIMA KEHADIRAN KAMI UNTUK MELAWAT DAN SETERUSNYA BERBINCANG SECARA MENDALAM MENGENAI SEBARANG HUBUNGAN KERJASAMA YANG PASTI AKAN MEMBERIKAN KEBAIKAN BERSAMA ANTARA KEDUA- DUA BELAH PIHAK.

DARI DAIK PULANG KE DAIK
SEHARI-HARI BERKEBUN PISANG
BUDI BAIK DIBALAS BAIK
DALAM HATI DIKENANG ORANG

DEWA SAKTI MELAYANG KE DAIK
HENDAK MENCARI DEWA JARUGA
KALAU ADA BUDI YANG BAIK
SAMPAI KE MATI ORANG TAK LUPA

SAYA SUDAHI DENGAN UCAPAN WABILLAHITEAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMULAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.